

MAJLIS PEMBUKAAN PROGRAM INDUKSI AHLI BARU WISMA BINTARA



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2998-majlis-pembukaan-program-induksi-ahli-baru-wisma-bintara

INSMAT, 30 Jan 18 – Majlis Pembukaan Program Induksi Ahli Baru Wisma Bintara Institut Latihan Pengurusan Materiel TUDM Kinrara telah dilaksanakan oleh Pegawai Memerintah iaitu Lt Kol Mohd Amran bin Yaakob TUDM. Majlis turut dihadiri oleh Yang Di Pertua Wisma Bintara PW U I Saipol Nizal bin Yang, Penasihat Wisma, Pegawai Penjaga Wisma serta semua Ahli-ahli Wisma.

Seramai 13 anggota berpangkat P/Sjn U telah terpilih bagi mengikuti program induksi yang bermula 30 Jan 18 dan dijangka tamat pada 19 Feb 18.

Dalam ucapan perasmian, Pegawai Memerintah menekan agar program sebegini mestilah diteruskan mengikut adat dan istiadat ketenteraan. Beliau juga mengingkatkan agar semua program yang telah dirancang sepanjang induksi mestilah mencapai objektif yang ditetapkan.

Dalam masa sama, direktif PTU no 9 iaitu (Program Induksi/Orientasi/Suaikenal Pegawai Muda dan Anggota LLP yang baru ditukarkan ke Unit) hendaklah dipatuhi bagi mengekang gejala-gejala negatif yang mungkin berlaku.

